

04 JUN 2000

TABUNG AMANAH BAKUN BIAYA PENDIDIKAN PELAJAR KELAHIRAN KAPIT

KUCHING, 4 Jun (Bernama) -- Anak kelahiran Belaga di bahagian Kapit di Sarawak diberi jaminan bantuan kewangan untuk melanjutkan pelajaran di universiti tempatan atau luar negeri tahun ini.

Pengerusi Tabung Amanah Bakun Datuk Dr James Jemut Masing berkata pelajar yang telah menerima surat tawaran daripada universiti tempatan tidak perlu bimbang kerana permohonan mereka untuk mendapat pembiayaan akan diluluskan.

"Bagi pelajar seberang laut, kami akan memilih berdasarkan kes kerana keutamaan kami adalah untuk pelajar universiti tempatan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan satu seminar mengenai pelancongan di sini hari ini.

Masing berkata simpanan dalam tabung dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 1996 dengan sumbangan RM10 juta oleh kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri, kini berjumlah RM11 juta setakat hari ini.

Selain pembiayaan bagi pelajar yang menuntut di peringkat universiti, ia juga menaja murid sekolah rendah dan menengah yang berasal dari Belaga.

Dalam perkembangan lain, Masing yang juga Menteri Pelancongan negeri berkata Sarawak yang sebelum ini menerima kunjungan antara 6,000 dan 7,000 pelancong dari Jerman dan negara-negara yang bertutur dalam bahasa Jerman dijangka menerima seramai 10,000 pelancong negara itu tahun ini.

Ini katanya berdasarkan kepada pendedahan negeri Sarawak kepada ejen-ejen pelancongan Jerman yang menghadiri seminar mengenai kehidupan di Timur Jauh, iaitu seminar kedua terbesar di luar Jerman bagi ejen-ejen pelancongan berkenaan.

-- BERNAMA

RDY LAT